

UPM lancar Read@UNI

Galak budaya membaca warga kampus

SERDANG - Perpustakaan Sultan Abdul Samad Universiti Putra Malaysia (UPM) akan melancarkan program Read@Uni pada 12 April ini dalam program untuk meningkatkan peratusan tabiat budaya membaca warga universiti menjelang tahun 2020.

Naib Canselor UPM, Prof. Datin Paduka Dr. Aini Ideris berkata, program itu lanjutan daripada program terdahulu hasil inisiatif Kementerian Pendidikan Malaysia yang dirasmikan oleh Menteri, Dr. Maszlee Malik pada 29 November 2018.

"UPM menyambut baik aspirasi program dan aktiviti untuk meningkatkan tabiat membaca dengan tujuan rekreasi dan literasi ilmu bagi melahirkan masyarakat yang berfikiran kritis, memupuk minat membaca serta menyokong pembelajaran sepanjang hayat.

"Usaha ini ke arah menjadikan masyarakat berbudaya membaca dan cintakan ilmu,

mencambahkan tradisi keilmuan dan wacana intelektual masyarakat. Program ini akan menyemarakkan tabiat pembacaan mahasiswa, pensyarah, warga universiti dan masyarakat setempat," katanya.

Dr Aini berkata, kempen Read@Uni UPM 2019-2020 itu telah dilancarkan pada 1 Oktober 2018 dengan berpaksikan Garis Panduan Pelan Tindakan Bersepadu Program Penggiatan Budaya Membaca Institusi Pendidikan Tinggi Malaysia.

Katanya, sembilan program khas telah dirangka melibatkan semua jabatan dalam UPM dan warga universiti iaitu pemerkasaan prasarana, perkhidmatan dan kemudahan perpustakaan; program debat universiti dan seminar/bengkel penulisan dan penerbitan.

Selain itu, katanya, wacana dan waqaf ilmu; program galakan membaca Read@Uni; program persepakatan pintar ke arah membudayakan aktiviti membaca; perekrutanan program literasi maklumat; Library 4 U dan Hari

Bersama Pelanggan. Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Read@Uni UPM 2019, Muzaffar Shah Kassim berkata, UPM memperkenalkan beberapa anugerah bagi menyemarakkan minat membaca dan mempertingkatkan lagi penggunaan pelbagai sumber maklumat oleh Perpustakaan UPM kepada individu terpilih berdasarkan kriteria-kriteria seperti peminjam buku tertinggi bagi kategori pelajar dan staf.

Katanya, selain itu, ikon membaca dengan mengumumkan lima ikon membaca yang terdiri daripada pensyarah, pengurusan dan profesional, pelaksana dan pelajar selain membantu mempromosikan program serta aktiviti sepanjang kempen.

"Portal Read@Uni UPM akan dilancarkan secara rasmi pada malam pelancaran 12 April bagi memaparkan segala maklumat Read@Uni UPM serta



program dan aktiviti selama dua tahun itu seperti Pertandingan Poster Infografik Read@Uni dan *Springer Nature Online Quiz*.

"Pada majlis pelancaran akan diadakan serahan buku kepada wakil kolej, fakulti, perkhidmatan dan institut sebagai simbolik kepada Pertandingan Sudut Bacaan Read@Uni UPM," katanya.

Muzaffar merangkap Ketua Pustakawan Perpustakaan Sultan Abdul Samad UPM berkata, setiap jabatan dalam UPM perlu mewujudkan satu sudut bacaan yang akan diadili oleh juri.



DR. AINI IDERIS